



Pasukan Bertindak **SGTeguhBersatu** akan memanfaatkan semangat gotong-royong masyarakat Melayu/Islam. Pelbagai rakan kongsi akan bekerjasama demi memanfaatkan kekuatan dan aset masing-masing untuk membantu golongan yang terjejas oleh COVID-19.



BANTUAN UNTUK SEKTOR KEAGAMAAN

Untuk Asatizah

- Muis, dengan sokongan masjid dan Pusat Penyedia Pendidikan Islam, akan memastikan asatizah kekal relevan dan meraih pendapatan. Asatizah akan dibantu untuk memindahkan kelas-kelas agama ke dalam talian.
- Muis akan bekerjasama dengan Mendaki SENSE untuk menyediakan program latihan berstruktur untuk Asatizah meningkatkan kemahiran, selaras dengan Rangka Kerja Kerjaya dan Kecekapan Asatizah.

- Muis akan bekerjasama dengan agensi-agensi untuk membolehkan Asatizah memanfaatkan skim-skim yang disediakan. Ini termasuk:
 - Bekerjasama dengan NTUC untuk menggalak Asatizah bertauliah dengan ARS memanfaatkan faedah skim Orang Bekerja Sendiri.
 - Bekerjasama dengan MSF untuk membantu asatizah membuat permohonan bagi Dana Bantuan Kewangan Sementara.

Untuk Masjid

- Muis akan membangunkan sebuah wadah bagi memudahkan masyarakat membuat sumbangan secara dalam talian kepada masjid-masjid.
- Muis akan memberikan geran kepada masjid-masjid untuk mengecualikan yuran aLIVE sebanyak 50% selama 2 bulan.
- Muis akan menyediakan geran bagi menyokong masjid-masjid mengamalkan langkah berjaga-jaga yang dipertingkat bagi menangani COVID-19.



BANTUAN UNTUK PASANGAN, KELUARGA DAN PELAJAR

Untuk Pasangan dan Keluarga


- ROMM akan mengetepikan bayaran untuk pasangan yang ingin menukar tarikh pernikahan mereka.
- PPIS akan bekerjasama dengan MUIS, PERGAS dan MHPA untuk melakar inisiatif bagi memperkuatkan daya tahan psikologi masyarakat.

Untuk Pelajar

- MENDAKI akan membuka semula permohonan Subsidi Yuran Tuisyen Pengajian Tinggi (TTFS) untuk pelajar yang pendapatan keluarga mereka terjejas oleh COVID-19.
- Bantuan pinjaman tokokan disediakan untuk pelajar Institut Pengajian Tinggi di luar negeri, dengan keutamaan diberikan kepada pelajar tahun akhir.
- MENDAKI akan memberi bantuan untuk pelajar mendapatkan peranti digital bagi pembelajaran dalam talian.

- MENDAKI akan menyediakan bantuan kewangan sebanyak \$10 setiap hari sekolah untuk tambang pengangkutan dan makanan untuk 3 bulan kepada pelajar ITE yang kehilangan pekerjaan sambilan.

- Mendaki SENSE akan menggalak para pelajar pos-menengah dan Institut Pengajian Tinggi yang akan tamat pengajian untuk mendapatkan Latihan Sambil Belajar SGUnited.



BANTUAN UNTUK PEKERJA DAN PERNIAGAAN

Untuk Pekerja


- Mendaki SENSE akan menghubungkan pencari kerja dengan sektor yang pesat berkembang melalui Pesta Kerjaya Alam Maya dan Talian Bantuan, Aplikasi dan Kios CariKerja, dan inisiatif Pekerjaan SGUnited.

- Mendaki SENSE akan memperkuatkan akses kepada peluang meningkatkan kemahiran dan elaun latihan.

Untuk Perniagaan

- SMCCI akan bekerjasama dengan syarikat terjejas (contohnya sektor acara, pelancongan, runcit, makanan & minuman) untuk memanfaatkan skim-skim imbanding gaji, bantuan aliran tunai dan rebat cukai hartanah.

- SMCCI akan bekerjasama dengan sukarelawan masyarakat untuk menubuhkan sebuah dapur pusat untuk menyediakan sajian berbuka puasa bagi mereka yang memerlukan.



BERSAMA, KITA AKAN MENGATASI KRISIS INI!

#SGTeguhBersatu

Dapatkan maklumat terkini mengenai COVID-19 dengan mendaftar bagi saluran WhatsApp Gov.sg (www.go.gov.sg/watsappgovsg)



TEGUH
BERSATU

